

Pemilihan ke Brunei

13 JAN 1990

Lapan pesilat Sukan SEA enggan ditimbang

4

LAPAN pesilat dari Skwad Sukan SEA XV enggan ditimbang dalam pemilihan ke Pesta Sukan Kemerdekaan Brunei, pada 3 hingga 15 Mac ini.

Pemilihan ini akan berlangsung di Rumah Persisi di Kampung Eunoh, mulai petang ini.

Setiausaha Jawatankuasa Saringan, Mohamed Khamin Said, menerangkan lapan pesilat tersebut telah mengesahkan tidak dapat menyertai Pesta Sukan Kemerdekaan Brunei.

"Mereka menghadapi masalah perkerjaan dan ada pula yang berdepan dengan masalah persekolahan," jelas Khamin.

Lapan pesilat yang dimaksudkan itu ialah Nazri Ibrahim, Mohamed Noor Beyu, Abdul Latiff Tambi, Faezah Mohamed Noor, Norana Yusoff dan Zalina Yusoff.

Nazri dan Latiff adalah finalis Sukan SEA dalam kelas terbuka dan kelas 'A'.

Kedua-dua pesilat ini adalah pemenang pingat perak apabila tewas dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Kompleks Sukan Petronas, di Kajang.

Khamin juga menerangkan, seramai 71 pesilat dari 16 perguruan akan turut menyertai peringkat saringan yang akan



LATIFF: Antara pesilat handalan yang tidak bertanding

berlangsung selama empat hari.

"Bagaimanapun, dari jumlah tersebut kami tidak dapat pastikan sama ada semua peserta berkenaan akan dapat turun ke gelanggang saringan atau tidak," kata Khamin.

Menurut setiausaha jawatankuasa saringan itu, ada di antara peserta bimbang tidak dapat menyertai saringan tersebut kerana

bertembung dengan waktu kerja masing-masing.

Difahamkan, ada pesilat-pesilat yang telah menghubungi pihak jawatankuasa saringan itu meminta bantuan bagi mendapatkan izin dari penyelia, atau menukar waktu kerja mereka untuk mengikuti saringan ini.

Persisi dikehendaki mengirinkan barisan pesilat mereka kepada Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC) selewat-lewatnya pada Rabu ini — sehari selepas selesainya peringkat saringan tersebut.

"Kami menjangka untuk menghantar 15 pesilat menyertai kejohanan di Brunei. Jumlah ini adalah sama dengan penyertaan kami di Sukan SEA Kuala Lumpur tahun lalu," jelas Khamin.

Sepuluh daripadanya merupakan pesilat lelaki dan bakinya pesilat wanita.

"Kami akan menghantar para pesilat yang berjaya dalam saringan ini nanti," Khamin menerangkan.

Ini merupakan kegiatan pertama Persisi sejak mendapat rumah baru itu dan berpindah dari rumah lama mereka di Persatuan Rakyat. — **MOHD SANI ALI.**